

APMM Kelantan tahan 106 nelayan asing

Kota Bharu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan menahan seramai 106 nelayan serta tekong warga Thailand dan Vietnam sejak Januari tahun ini sehingga Mei lalu.

Pengarahnya, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab Rahman berkata, hasil penahanan berkenaan, pihaknya merampas sebanyak 13 bot, ikan dan juga diesel yang keseluruhannya bernilai RM14.49 juta.

"Sebanyak 13 bot yang dirampas membabitkan 12 bot nelayan Vietnam dan sebuah bot nelayan Thailand. Selain bot, kita turut merampas 5,400 kilogram (kg) ikan yang bernilai RM64,800.

"Pada masa sama, rampasan juga membabitkan diesel sebanyak 13,800 liter yang bernilai RM29,670.

"Keseluruhan rampasan sepanjang Januari sehingga Mei adalah sebanyak RM14.49 juta dengan penahanan 106 nelayan termasuk tekong," katanya ketika

dihubungi di sini, semalam.

Syed Nor Adli berkata, pihaknya sentiasa meningkatkan kawalan bagi mengelak sebarang pencerobohan termasuk kemasukan nelayan asing.

"Alhamdulillah, setakat ini keadaan perairan negara terkawal daripada sebarang aktiviti pencerobohan termasuk nelayan asing," katanya.

Di samping itu, ketika ditanya sama ada kekurangan bekalan ikan disebabkan pencerobohan nelayan asing terutama dari Vietnam, Syed Nor Adli menolak kemungkinan berkenaan kerana kawalan di laut sentiasa dipertingkatkan.

"Kita tidak nafi memang ada berlaku pencerobohan, namun hasil kawalan ketat membawa kepada penahanan nelayan asing dan rampasan bot.

"Mungkin ada faktor lain yang menyumbang kepada kekurangan bekalan ikan, bukannya pencerobohan semata-mata," katanya.